

# HADA 2008 tumpu masyarakat

SETIAP tahun, 26 Jun diisytiharkan sebagai Hari Antidadah Antarabangsa dalam perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sejak 1987.

Tarikh ini dipilih bersempena dengan Persidangan Dadah yang telah berlangsung di Vienna, Austria pada 17 hingga 26 Jun 1987.

Ini dilakukan bagi menyokong matlamat yang dipersetujui oleh PBB untuk menjadikan masyarakat antarabangsa bebas dadah.

Di Malaysia, kerajaan merekodkan seramai 300,241 pengguna dadah bergiat aktif antara tahun 1988 hingga 2006 di mana 18.49 peratus daripadanya merupakan penghidap

virus HIV positif.

Berdasarkan data yang dikumpul oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), sebanyak 97.97 peratus terdiri daripada penagih lelaki dan selebihnya wanita. Daripada lingkungan tersebut, 71.04 peratus berusia dalam lingkungan 25 hingga 29 tahun.

Ikuti temu bual wartawan **MARIATUL QATIAH ZAKARIA** dan jurugambar **ZAKI AMIRUDDIN** dengan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, **DATUK ABD. BAKIR ZIN** di Putrajaya, baru-baru ini, sempena Hari Antidadah Antarabangsa 2008.

**Utusan Malaysia:** Boleh Datuk jelaskan secara ringkas latarbelakang Sambutan Hari Antidadah Antarabangsa atau HADA 2008?

**Abd. Bakir Zin:** Untuk makluman, tarikh 26 Jun setiap tahun telah diisytihar sebagai Hari Antidadah Antarabangsa dalam Perhimpunan Agung PBB (United Nations) pada 1987. Ini dilakukan bagi menyokong matlamat bersama yang dipersetujui untuk mewujudkan masyarakat antarabangsa bebas dadah (*an international society free of drug abuse*). Semua negara yang menjadi anggota PBB digalakkan mengadakan sambutan dengan tujuan sebagai peringatan agar kita bersamasama memperbaharui azam dan tekad dalam usaha membanteras masalah dadah. Justeru kita akan membuat sambutan tersebut pada 28 Jun ini di Felda Bukit Easter, Kota Tinggi, Johor.

Seterusnya boleh Datuk jelaskan secara terperinci tentang sambutan HADA pada 28 Jun nanti?

**Abd. Bakir Zin :** Perasmian HADA 2008 akan disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar pada hari Sabtu ini (28 Jun), bertempat di Felda Bukit Easter, Kota Tinggi, Johor. Majlis akan bermula pukul 8 pagi. Kita jangkakan seramai 6,000 hingga 7,000 orang akan hadir. Mereka terdiri daripada sektor awam, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan beruniform, pelajar dan ibu bapa serta penduduk sekitar gugusan Felda tersebut.

Mengenai atur cara pula, pengisian sambutan kali ini akan mengandungi persembahan kebudayaan, ikrar antidadah oleh wakil pihak Felda dan pelancaran papan iklan antidadah oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar.

**Kebiasaannya program yang berskala besar sebegini dibuat di kawasan Lembah Klang atau di kawasan yang mudah diakses dan dikenali ramai. Jadi Datuk kenapa pelancaran HADA 2008 dibuat di Felda?**

**Abd. Bakir Zin :**Kita memilih Felda atau juga kawasan

U.N. 26/06/08 M/S 37  
penempatan ramai kerana kebanyakan program AADK merupakan *community based programme*. Kekuatan AADK adalah di negeri dan daerah-daerah di mana setiap program pencegahan serta rawatan dan pemulihan memerlukan penglibatan aktif semua ahli masyarakat.

Dan kita pun tahu bahawa masalah penagihan dadah turut melewati sehingga di Felda-Felda juga, jadi kita mahukan masyarakat di situ sendiri yang bangkit memerangi dadah di tempat mereka.

Di pihak AADK, kami akan menyediakan garis panduan (tool kits) program, khidmat nasihat dan bantuan kepakaran kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau pemimpin masyarakat untuk mereka melaksanakan program-program antidadah selaras dengan matlamat *Demand Reduction and Supply Reduction*.

Selain daripada apa yang telah dijelaskan tadi, adakah terdapat aktiviti-aktiviti khusus kepada pengunjung

# akak Felda



ABD. BAKIR ZIN

petang.

Kita lihat di sini yang penting adalah penglibatan terus masyarakat Felda Bukit Easter tersebut. Program ini bolehlah dikatakan gerak kerja inisiatif bersama AADK dan penduduk Felda. Program-program yang disusun bersesuaian dengan masyarakat setempat selain tetamu-tetamu daripada pejabat-pejabat kedutaan yang bekerjasama serta mempunyai hubungan dengan AADK.

**Bolehkah Datuk berkongsi mengenai jumlah penagih yang terkini untuk pengetahuan bersama?**

Abd. Bakir Zin : Jumlah penagih bagi bulan Januari hingga April tahun ini adalah seramai 5,121 orang di mana penagih baru yang dikesan ialah seramai 2,261 orang dan selebihnya 2,860 orang adalah penagih berulang. Jika dibandingkan dengan tahun lepas dalam tempoh yang sama (Januari-April 2007) kita mengesan sebanyak 5,324 kes penagih. Di sini kita lihat penurunan sebanyak 3.81 peratus.

Selalunya angka penagih berulang sentiasa melebihi penagih baru dan daripada kajian, kita melihat pemulihan dalam komuniti sebagai aspek utama yang perlu diperkukuhkan. Maksudnya masyarakat atau pihak komuniti perlu membantu secara aktif terhadap bekas penagih untuk memulihkan diri. Saya percaya sokongan dan kepercayaan masyarakat terhadap bekas penagih akan menguatkan keinginan mereka untuk berhenti atau mengelakkan diri daripada terjerumus semula ke lembah hina.

**Bolehkah Datuk nyatakan apakah rawatan terkini yang diberikan kepada penagih-penagih?**

Abd. Bakir Zin : Seperti yang diketahui umum, kini rawatan serta pemulihan dadah melalui program Terapi Gantian menggunakan *methadone* adalah rawatan terkini dalam usaha membantu penagih-penagih dadah. Ia yang terletak di bawah Kementerian Kesihatan telah dapat membantu mereka mengurangkan gejala ketagihan.

**Apakah harapan Datuk khususnya kepada penglibatan orang ramai terhadap program Peringatan HADA 2008 ini?**

Abd. Bakir Zin : Saya berharap agar semua pihak sama ada pihak swasta, kelab-kelab belia atau individu-individu yang berminat hadir untuk memeriahkan lagi program ini. Justeru itu, di kesempatan ini saya ingin menyeru agar semua masyarakat dapat bersama-sama menjayakan program sebegini bagi menyatukan komitmen kita dengan jelas bahawa kita boleh mencapai Negara Bebas Dadah menjelang tahun 2015 dengan sokongan semua lapisan masyarakat.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang bersama-sama membantu kerajaan dalam usaha memerangi dadah. Melalui kerjasama oleh Kementerian Penerangan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, parti-parti politik, NGO seperti PENDAMAI, PEMADAM dan PENGASIH dan semua pihak termasuk media elektronik dan cetak berganding bahu membantu kerajaan memerangi dadah.

**terutamanya orang awam untuk turut serta memberikan sokongan?**

Abd. Bakir Zin : Untuk pengetahuan kita juga mempunyai beberapa program pelengkap HADA 2008 seperti Outreach (temuseru) dan ceramah yang akan diadakan pada 23 hingga 27 Jun di Sekolah terpilih sekitar Felda Bukit Easter. Selain itu pada 28 Jun pula akan diadakan gotong-royong memasak jamuan untuk program pelancaran HADA 2008. Larian antidadah, peraduan warna, pertandingan gubahan bunga, pertandingan tarik tali, cabutan bertuah, futsal dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada sebelah malamnya juga akan diadakan.

Di samping itu juga kita mempunyai persembahan kebudayaan dan sukaneka rakyat yang akan disertai oleh penduduk Felda dan sesiapa yang datang juga boleh mencuba menyertai pertandingan futsal yang akan berlangsung dari pagi hingga ke